



**KENYATAAN MEDIA**

**IKLAN PENGAMBILAN KHAS PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA  
PERGURUAN (PISMP) DENGAN KEPUJIAN BAGI CALON LULUSAN  
SIJIL MENENGAH AGAMA (SMA), SIJIL MENENGAH UGAMA (SMU) DAN  
*UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATE (UEC) AMBILAN 2020***

---

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima beberapa pertanyaan dan maklum balas berkaitan iklan pengambilan khas Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dengan kepujian bagi calon lulusan Sijil Menengah Agama (SMA), Sijil Menengah Ugama (SMU) dan *Unified Examination Certificate (UEC) Ambilan 2020*.
2. KPM ingin menjelaskan bahawa pengambilan pelajar bawah program ini dibuat setiap tahun semenjak 2011 lagi. Jumlah pengambilan adalah berdasarkan unjuran keperluan yang dibuat KPM.
3. Ketetapan bagi pengambilan calon guru lulusan SMA, SMU dan UEC ini telah diumumkan semasa pembentangan usul Rancangan Malaysia Ke-10 pada tahun 2010 oleh YAB Perdana Menteri ketika itu.
4. Syarat wajib bagi permohonan PISMP lulusan SMA, SMU dan UEC ialah lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred kepujian dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta lulus Sejarah. Permohonan daripada calon yang tidak mempunyai kelulusan SPM dan tidak memenuhi syarat yang dinyatakan akan ditolak.
5. Program ini dibuka kepada lulusan SMA dan SMU yang mempunyai sijil SPM dan memenuhi syarat ditetapkan adalah bagi menampung unjuran keperluan guru untuk bidang Pendidikan Islam.
6. Manakala, program tersebut dibuka bagi lulusan UEC yang mempunyai sijil SPM dan memenuhi syarat ditetapkan bagi memenuhi unjuran keperluan guru Bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina).